

SIARAN MEDIA

SERAMAI 34,322 WANITA DI NEGERI SEMBILAN TELAH MENJALANI UJIAN MAMOGRAM SEJAK DIPERKENALKAN

SEREMBAN 2, 10 JUN – Subsidi Ujian Mamogram di bawah Kempen Kesedaran Kanser Reproduksi Wanita (WCaRe) anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) berjaya menarik penglibatan seramai 34,322 orang wanita di Negeri Sembilan untuk menjalani ujian tersebut. Jumlah ini merupakan 7.27 peratus daripada keseluruhan jumlah wanita yang telah mendapat manfaat daripada subsidi ujian mamogram diperkenalkan pada Mei 2007 hingga April 2023.

Pemberian subsidi mamogram yang telah dilaksanakan sejak Mei 2007 memberi fokus kepada wanita Malaysia dan penduduk tetap yang berisiko tinggi berumur 40 hingga 70 tahun. Namun mulai 15 Februari 2012, pemberian subsidi ini diperluas kepada wanita berumur 35 hingga 39 tahun yang mempunyai sejarah keluarga menghidap kanser payudara setelah mendapat pengesahan doktor.

Selain ujian mamogram, ujian HPV DNA turut ditawarkan di bawah Kempen WCaRe. YABhg. Datin Seri dalam ucapan perasmian Sambutan Hari Ibu Bapa dan Kempen WCaRe berkata, sebanyak 4,352 wanita di Negeri Sembilan telah mendapatkan ujian HPV DNA dari 2019 hingga April 2023. Jumlah penyertaan wanita dalam ujian ini di peringkat nasional adalah sebanyak 75,675 orang.

Pemberian Ujian HPV DNA secara percuma mula diperkenalkan pada tahun 2019 di bawah Bajet 2019 dengan peruntukan sebanyak RM3.6 juta dengan

tujuan untuk meningkatkan jumlah wanita menjalani saringan kanser serviks melalui Ujian HPV DNA dan mendapatkan rujukan bagi wanita yang dijangkiti oleh *Human Papiloma Virus (HPV) High Risk Type*.

YABhg Datin Seri Wan dalam ucapan yang sama berharap agar wanita di negeri itu untuk segera menjalani ujian saringan kanser serviks HPV DNA kerana peratusan yang telah menjalani ujian pada tahun semasa bagi Negeri Sembilan masih rendah berbanding sasaran iaitu 15.9 peratus.

Program Sambutan Hari Ibu Bapa dan Kempen WCaRe turut dimeriahkan dengan pelbagai pertandingan yang mengimbau kenangan bagi mereka yang lahir pada tahun 50-an, 60-an, 70-an dan 80-an selain meraikan kepelbagaian adat dan tradisi yang terdapat di Negeri Sembilan. Antara pertandingan yang dianjurkan bagi memeriahkan program adalah Pertandingan Hidupkan Api dan Salai Ikan Keli, Pertandingan Kupas Kelapa, Pertandingan Kukur Kelapa dan Perah Santan serta Pertandingan Masak Gulai Labu dan Sambal Gesek. Program dianjurkan dengan kerjasama pihak Kerajaan Negeri Sembilan dan Lembaga Muzium Negeri. Pelbagai agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan turut dilibat sama untuk memeriahkan program ini.

####

Disediakan oleh:

UNIT PENERANGAN DAN PENDIDIKAN

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Sembilan
(Nurul Fariah binti Mohd Isa – 011 10772796)